

Pematuhan Antitrust

- A. RINGKASAN
- B. KEBOLEHGUNAAN
- C. DASAR
- D. PROSEDUR
- E. RUJUKAN



Tataetika

A. RINGKASAN

Syarikat dan pekerjanya akan mematuhi semua undang-undang antitrust (dikenali sebagai undang-undang persaingan di sesetengah negara) di lokasi yang Syarikat menjalankan perniagaan. Undang-undang ini direka untuk menggalakkan persaingan dan melindungi pengguna daripada pengaturan dan amalan perniagaan yang tidak adil. Pelanggaran terhadap undang-undang antitrust boleh mengakibatkan penalti yang berat termasuk denda yang berat dan sekatan perniagaan bagi Syarikat, serta hukuman denda dan penjara untuk pekerja individu. Selain daripada saman kerajaan, pihak swasta boleh mendakwa, dan award kerosakan mungkin berat, serta yuran guaman mungkin dikenakan untuk pembelaan walaupun Syarikat akhirnya menang. Oleh itu, setiap individu, tidak mengira jawatan masing-masing dalam Syarikat, adalah bertanggungjawab untuk pematuhan kepada undang-undang antitrust.

B. KEBOLEHGUNAAN

Dasar ini diguna pakai kepada semua pekerja dan aktiviti Syarikat dan semua subsidiarinya, bahagian dan lain-lain entiti perniagaan yang dikawal olehnya di seluruh dunia.

C. DASAR

Syarikat dan pekerjanya akan mematuhi sepenuhnya semua undang-undang antitrust yang berkenaan. Setiap pekerja mesti mematuhi dasar dan prosedur antitrust Syarikat termasuk sebarang dasar unit perniagaan yang khusus. Syarikat dan unit perniagaannya akan mengadakan program pendidikan antitrust secara berjadual (termasuk program yang ditawarkan secara elektronik melalui internet) serta semakan semula pematuhan antitrust untuk memastikan pekerja dan pegawainya menjalankan perniagaan Syarikat dalam cara yang sah di sisi undang-undang. Latihan ini khususnya penting kerana tanggungjawab pekerja memerlukan mereka berkomunikasi dengan pesaing atau melibatkan harga, dasar harga, terma jualan dan lain-lain tanggungjawab pemasaran.

Aktiviti di luar Amerika Syarikat mungkin tertakluk kepada undang-undang antitrust Amerika Syarikat atau lain-lain negara. Oleh itu, entiti yang berniaga di luar Amerika Syarikat mesti berwaspada dan mematuhi semua undang-undang antitrust yang berkenaan, termasuk bidang kuasa tempatan, Amerika Syarikat, serta lain-lain negara yang dipengaruhi oleh kelakuan perniagaan yang dilarang. Untuk panduan mengenai antitrust rantau tertentu, lihat rujukan di **Seksyen E. - RUJUKAN**.

Undang-undang antitrust adalah rumit dan pengamalan mereka dalam perniagaan atau transaksi bergantung pada pelbagai faktor. Apabila isu timbul, anda harus menyemak semula dasar ini dan berunding dengan Jabatan Undang-undang. Untuk mengelakkan penampakan kelakuan yang tidak wajar, walau bagaimanapun, anda mesti mematuhi garis panduan berikut:



1. *Berinteraksi dengan Pesaing.* Jangan bersetuju, berbincang atau berkomunikasi (sama ada secara lisan, bertulis atau elektronik) dengan mana-mana pesaing (ditakrifkan sebagai mana-mana syarikat yang berhasrat untuk bersaing dengan Syarikat kita dalam mendapatkan perniagaan) atau pesaing berpotensi mengenai:
 - Harga dan maklumat tentang harga;
 - Dasar atau cadangan harga atau perubahan harga yang dirancang;
 - Diskaun, elaun, kredit atau lain-lain terma atau syarat jualan;
 - Kos, keuntungan, margin keuntungan, kapasiti, atau penggunaan kapasiti;
 - Pelan masa lampau atau masa hadapan untuk membida atau tidak membida pada perniagaan tertentu;
 - Penyelidikan dirancang atau sedang dijalankan, pembangunan, pengenalan produk baharu, penambahbaikan atau pendekatan pemasaran;
 - Menolak untuk berurusan dengan mana-mana pihak ketiga (pelanggan, pesaing, atau pembekal); dan
 - Maklumat khas pelanggan.
2. *Transaksi.* Berunding dengan Jabatan Undang-undang sebelum memulakan sebarang komunikasi dengan pesaing berkenaan dengan usaha sama, penggabungan, pemerolehan, penyahlaburan, pengaturan pasukan atau transaksi bekalan.
3. *Maklumat Bersaingan.* Perniagaan kita membuat keputusan sehalu mereka sendiri apabila menawarkan dan menjualkan produk dan perkhidmatan serta bekalan pembelian. Sebelum menetapkan terma jualan dan harga perniagaan untuk produk atau perkhidmatan, anda boleh mempertimbangkan harga dan terma pesaing; walau bagaimanapun, anda harus hanya mendapatkan maklumat sebegini melalui saluran pasaran yang biasa seperti pelanggan dan data pasaran yang dikemukakan kepada umum, bukan melalui komunikasi secara langsung atau tidak langsung dengan pesaing. Anda juga harus mendokumenkan sumber sebarang maklumat berkaitan harga pesaing atau lain-lain maklumat pesaing yang sensitif dalam fail anda. Lihat Pengumpulan Maklumat Bersaingan – [Seksyen E. - RUJUKAN](#).
4. *Persatuan Perdagangan.* Disebabkan keahlian dalam persatuan perdagangan lazimnya melibatkan hubungan dengan pesaing, mana-mana keahlian persatuan perdagangan mesti diluluskan terlebih dahulu oleh pengurusan unit perniagaan anda dan Jabatan Perundangan serta semua penyertaan dalam persatuan perdagangan mesti dikendalikan sejajar dengan panduan antitrust yang Syarikat menyediakan kepada semua pekerja, dasar persatuan perdagangan unit



perniagaan anda, dan garis panduan persatuan perdagangan dikeluarkan oleh Syarikat dan terkandung dalam Panduan Antitrust untuk Pekerja Global–**Seksyen E. - RUJUKAN** .

5. *Perjanjian dengan Pelanggan dan Pembekal.* Secara umumnya, undang-undang antitrust adalah kurang ketat dalam mengambil kira perjanjian dengan lain-lain pihak yang bukan merupakan pesaing (cth. pelanggan, pengedar, pembekal, dll.). Walau bagaimanapun, sesetengah perniagaan boleh dilihat sebagai mempunyai kedudukan pasaran yang penting, pengaturan perjanjian tertentu dengan pelanggan, pengedar atau pembekal mungkin dilihat sebagai persaingan yang tidak adil. Pengaturan sebegini mungkin termasuk keeksklusifan atau peruntukkan negara yang diutamakan, harga di bawah kos, gabungan berbilang produk, mengikatkan produk atau perkhidmatan kepada yang lain atau menamatkan pelanggan, pengedar atau pembekal yang mungkin juga pesaing yang berpotensi. Hubungi Jabatan Perundangan dan mendapatkan kelulusan yang sah sebelum memulakan mana-mana pengaturan sebegini.

D. PROSEDUR

Jika anda terdapat sebarang soalan mengenai pematuhan antitrust atau dasar ini, sila hubungi Jabatan Perundangan. Untuk perbincangan lebih terperinci dan khusus mengenai undang-undang antitrust serta dasar dan prosedur Syarikat yang berkaitan dengannya, lihat rujukan dalam **Seksyen E. - RUJUKAN** (di bawah).

E. RUJUKAN

[Panduan Antitrust Global untuk Pekerja Pengumpulan Maklumat Bersaingan](#)